

Perdana Menteri perjelas EAEG

MAR 1991

DENPASAR (Bali), Ahad — Perdana menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad akan menerangkan lebih terperinci di hadapan lebih 1,000 peserta seminar Asean dan Ekonomi Dunia: Cabaran dan Perubahan mengenai mengapa Malaysia mencadangkan pembentukan Kumpulan Ekonomi Asia Timur (EAEG).

Selain perwakilan dan peniaga dari Asean, turut mendengar ucapan dasar Perdana Menteri petang esok ialah dari Amerika Syarikat, Australia, Jepun, Korea Selatan dan Taiwan.

Selepas bertemu Presiden Soeharto di Jakarta kelmarin,

Datuk Seri Dr Mahathir menjelaskan bahawa cadangan Malaysia itu kini dijadikan gagasan Asean agar fungsinya lebih kuat dan mantap.

Perdana Menteri juga memberitahu, pihak Asean sudah menerima konsep EAEG dan menunggu negara-negara Asia Timur lain untuk menyokong gagasan Asean itu.

"Sebab itulah Datuk Seri Dr Mahathir akan menerangkan lebih mendalam mengenai EAEG agar lebih jelas dan tidak disalahertikan," kata jurucakap Malaysia dalam seminar itu.

Seminar tiga hari itu akan

turut mendengar ucapan dasar bekas Setiausaha Negara Amerika, Dr Henry Kissinger bertajuk Perkembangan Politik Dunia: Kesan-kesan Terhadap Asean.

Turut berucap ialah seorang bekas menteri kabinet Jepun, Michio Watanabe mengenai Asean, Jepun dan Serantau dan Perdana Menteri Singapura, Goh Chok Tong dalam satu majlis makan tengah hari.

Bagaimanapun, seminar tiga hari itu terjejas sedikit berikutan ketiadaan wakil dari Thailand dan Filipina.

Perdana Menteri Thailand, Ghatchai Choohavan tidak da-

tang berikutan peristiwa rampasan kuasa tentera di negaranya minggu lalu.

Presiden Corazon Aquino dari Filipina juga tidak dapat datang walaupun ada usaha dari pihak tuan rumah untuk memastikan beliau datang. Duta besar Filipina di Indonesia, Iscar G Valenzuela juga tidak menghadiri seminar itu.

Sebelum itu, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamed adalah antara pemimpin negara Asean yang diberi penghormatan menyaksikan majlis besar-besaran perasmian serentak 75 tempat dan kemudahan pelancongan termasuk 63 hotel oleh Presiden Soeharto di sini.